



# Chairman's Statement

## Penyata Pengurus

***"We remain cautiously optimistic of the outlook for the Group for year 2003 ... however, we are committed to deliver enhancement in shareholders' value."***

***"Kami kekal yakin walaupun berhati-hati terhadap suasana masa depan Kumpulan pada tahun 2003 ...namun kami tetap komited untuk menyampaikan peningkatan kepada nilai pemegang saham."***

I am pleased to present the Annual Report and Audited Accounts for the Group and the Company for the financial year ended 31 December 2002.

Against the backdrop of serious downturn in 2001, the aviation industry started 2002 on a very cautious note. The impact of an extraordinary 2001 saw a 4% fall in world airlines traffic. Worldwide airlines suffered an unprecedented loss amounting to RM45.6 billion or USD12 billion in 2001, a number far surpassing that registered during the 1990s Gulf War or recession periods. Although many contributed the dismal operating environment to the 11 September 2001 incidents in the United States of America, it should be noted that on the average, year-to-date traffic worldwide through August 2001 was only 1.3% higher than the same period in 2000. Stress to the industry surfaced even before the 11 September 2001 incidents. Global economic slowdown and the ensuing demand deterioration already led to stress on loads and yields of airlines.



Dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

Industri penerbangan yang beroperasi dalam persekitaran yang kurang memberangsangkan pada tahun 2001 telah memulakan tahun 2002 dengan lebih berhati-hati. Kesan luarbiasa pada tahun 2001 telah mengakibatkan trafik syarikat-syarikat penerbangan di seluruh dunia merosot sebanyak 4%. Syarikat-syarikat penerbangan seluruh dunia mengalami kerugian berjumlah RM45.6 billion atau ASD12 billion pada tahun 2001. Ini lebih teruk berbanding kesan daripada Perang Teluk pada tahun 1990an atau beberapa kemelesetan ekonomi yang berlaku sebelum ini. Walaupun ramai yang menganggap bahawa persekitaran operasi yang buruk ini telah diakibatkan oleh peristiwa 11 September 2001 di Amerika Syarikat, namun pada hakikatnya, aliran trafik di seluruh dunia dari tahun ke tahun sehingga bulan Ogos 2001, secara purata hanya mencatatkan peningkatan sebanyak 1.3% sahaja berbanding tempoh yang sama pada tahun 2000. Sebenarnya, tekanan kepada industri ini telah timbul sejak sebelum peristiwa 11 September 2001 lagi. Kelembapan ekonomi global dan kesan kemerosotan permintaan yang mengikutinya sudah sedia memberi tekanan kepada muatan dan hasil syarikat-syarikat penerbangan.



## Chairman's Statement (continued) Penyata Pengurus (sambungan)



However, as year 2002 progressed, our traffic forecast of a growth year proved to be accurate. Although faced with a negative external environment, the network of airports managed by the Group registered a healthy 4.2% growth in passenger traffic. The domestic sector registered a 3.7% increase whilst international sector remained robust registering a 5.0% increase. It is encouraging to note that K.L. International Airport ("KLIA"), the country's international gateway, registered an outstanding 7.4% increase in international passenger movements. KLIA's international passenger movements remained dominated by the Asian sector, which contributed approximately 65% of the market share. South East Asian sector grew at a pace of 2.6% accounting for 41% of the market share whilst North East Asian sector increased by 17.1% accounting for 24% of the market share. I am also pleased to report that the Group's target markets identified in 2001 namely South Asia and Middle East sectors performed well in 2002. South Asia sector grew by 28.1%

*Walau bagaimanapun, pertumbuhan aliran trafik yang dicatatkan selepas memasuki tahun 2002 membuktikan ketepatan ramalan kami. Walaupun berhadapan dengan persekitaran luaran yang negatif, namun aliran trafik penumpang rangkaian lapangan terbang yang diurus oleh Kumpulan mampu mencatatkan pertumbuhan sihat sebanyak 4.2%. Sektor domestik mencatatkan pertambahan sebanyak 3.7%, sementara sektor antarabangsa kekal rancak, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.0%. Kenaikan mengagumkan sebanyak 7.4% dalam pergerakan penumpang antarabangsa yang dicatatkan oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ("KLIA"), gerbang antarabangsa negara kita, adalah suatu pencapaian yang membanggakan. Pergerakan penumpang antarabangsa KLIA kekal dikuasai oleh sektor Asia yang menyumbang kira 65% daripada bahagian pasaran kami. Sektor Asia Tenggara berkembang pada kadar 2.6% yang merupakan 41% daripada bahagian pasaran kami, sementara sektor Timur Laut Asia pula meningkat sebanyak 17.1% iaitu 24% daripada bahagian pasaran kami. Saya juga berasa sukacita untuk melaporkan bahawa pasaran sasaran yang dikenalpasti oleh Kumpulan pada tahun 2001, iaitu sektor Asia Selatan dan Timur Tengah mencatatkan prestasi memuaskan pada tahun 2002. Sektor Asia Selatan berkembang sebanyak 28.1%, sekaligus meningkatkan bahagian pasarannya daripada 6.2% kepada 7.5%. Sektor Timur Tengah pula berkembang sebanyak 22.0% dan pada masa yang sama, meningkatkan bahagian pasarannya daripada 4.1% kepada 4.7%.*

